



JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA
(Malaysia Department of Insolvency)
ARAS 2 & 3, BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
PRESINT 3
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62692 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA



Talian Am : 03-8885 1000
Faks : 03-8885 1303
Laman Web : www.insolvency.gov.my

Ruj. Kami : (35) dlm MdI/156/006/125 Klt. S
Tarikh : 9 Disember 2016

Biro Perkhidmatan ANGKASA,
Wisma Ungku Abdul Aziz,
Jalan SS6/3, Peti Surat 8797,
Pejabat Pos Kelana Jaya,
46798 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan
(u.p : Puan Hajah Salmiah binti Abdul Rahman)

Puan,

PELAKSANAAN BAYARAN MELALUI INTERBANK GIRO (IBG)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Perbincangan Kaedah Bayaran Atas Talian Daripada ANGKASA bertarikh 21 November 2016 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa bayaran daripada pihak ANGKASA kepada Jabatan Insolvency Malaysia (MDI) akan dilaksanakan melalui kaedah *Interbank GIRO* (IBG) mulai **15 Disember 2016**. Sehubungan itu, kod item yang perlu digunakan bagi semua bayaran yang boleh dilaksanakan melalui kaedah IBG adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Bayaran	Kod Item
1.	Bayaran Ansuran Bulanan Bankrap Melalui <i>Standing Instruction</i>	030
2.	Baki Akaun Bank Bankrap	032
3.	Baki Akaun Bank Syarikat Digulungkan	010
4.	Baki Akaun Bank Pertubuhan	052
5.	Baki Akaun Bank Kesatuan Sekerja	092

3. Bagi memastikan bayaran yang dibuat melalui kaedah IBG ini tidak ditolak, puan dikehendaki mengisi medan rujukan semasa proses IBG dilaksanakan. Medan wajib yang perlu dilengkapkan adalah Nombor Insolvensi yang mengandungi 13 karakter dan kod item seperti yang dinyatakan di perenggan 2. Nombor insolvensi merupakan nombor baru yang diwujudkan oleh Jabatan ini bagi menggantikan nombor estet manakala kod item adalah kod yang digunakan oleh Jabatan ini untuk mengelaskan jenis terimaan tersebut.

4. Berikut merupakan maklumat nama dan nombor Akaun MdI Alliance Islamic Bank yang perlu digunakan bagi tujuan bayaran melalui kaedah IBG.

Nama Akaun : EPYMTINSISTIBG-FGOM

No. Akaun : 160140010002340

5. Selanjutnya, tindakan yang perlu diambil oleh puan adalah seperti berikut:

- i. Semua bayaran yang dinyatakan di perenggan 2 hendaklah dibayar melalui kaedah IBG;
- ii. Nombor Insolvensi yang digunakan hendaklah berdasarkan kepada nombor insolvensi yang dinyatakan di dalam Sistem INS (*Insolvensi Notification System*) dan di dalam surat yang diterima daripada Cawangan MdI. Contoh surat makluman adalah seperti di **Lampiran 1**. Senarai nama pegawai khidmat pelanggan di Cawangan MdI adalah seperti di **Lampiran 2**;
- iii. Permohonan bayaran balik disebabkan oleh kesilapan bayaran IBG kepada MdI hendaklah dihantar kepada cawangan MdI yang berkenaan dengan disertakan dokumen sokongan berikut:
 - a. Surat iringan beserta justifikasi permohonan;
 - b. Surat Pengesahan Akaun Bank/ *Bank Statement* bagi tujuan bayaran balik; dan
 - c. Bukti bayaran dibuat secara IBG
- iv. Semua bayaran IBG hendaklah menggunakan Akaun Bank yang dinyatakan di perenggan 4; dan

- v. Penghantaran *Bankrupt Details Form* hendaklah dihantar melalui emel mengikut Cawangan kes berkenaan. Maklumat senarai emel Cawangan adalah seperti di **Lampiran 3**;
6. Sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai berikut:
- i. Puan Masniwati binti Mhd Mastor di talian 03-88851346
Emel : masniwati.mastor@mdi.gov.my
- ii. Encik Khairul Anuar bin Abd Ghafar di talian 03-88851366
Emel : khairul.ghafar@mdi.gov.my
7. Segala perhatian dan tindakan awal daripada pihak bank tuan bagi menjayakan pelaksanaan IBG ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(MOHD KHAIRIL IZWAN BIN AHMAD C.A(M))

Pengarah Bahagian Perakaunan
b.p Ketua Pengarah Insolvensi
Jabatan Insolvensi Malaysia

Salinan Kepada :

Ketua Pengarah Insolvensi
Jabatan Insolvensi Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Insolvency
Jabatan Insolvency Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan
Jabatan Insolvency Malaysia

Pengarah Bahagian Kebankrapan
Jabatan Insolvency Malaysia

Pengarah Bahagian Likuidasi
Jabatan Insolvency Malaysia

Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat
Jabatan Insolvency Malaysia

Pengarah Seksyen Pengurusan Maklumat
Bahagian Hal Ehwal Undang-undang

Semua Pengarah Insolvency/ Ketua Cawangan
Jabatan Insolvency Malaysia

Group Transaction & SME Banking,
Alliance Bank Malaysia Berhad,
Level 28, Menara Multi Purpose,
Capital Square, 8 Jalan Munshi Abdullah,
50100 Kuala Lumpur
(u.p : Puan Nik Aiza binti Nik Aziz)